



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**TEMPOH ASAS BAGI SUATU SYARIKAT,
PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD,
BADAN AMANAH DAN KOPERASI**

KETETAPAN UMUM NO. 8/2014

TARIKH PENERBITAN: 1 DISEMBER 2014



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**TEMPOH ASAS BAGI SUATU
SYARIKAT, PERKONGSIAN
LIABILITI TERHAD, BADAN
AMANAH DAN KOPERASI**

**Ketetapan Umum No. 8/2014
Tarikh Penerbitan: 1 Disember 2014**

Diterbitkan oleh

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Edisi pertama pada 1 Disember 2014

Ketetapan Umum No.5/2001 dan No.7/2001 kedua-duanya bertarikh 30 April 2001 telah digantikan dengan penerbitan Edisi Pertama ini.

© 2014 oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Semua hak cipta terpelihara. Ketetapan Umum ini adalah milik Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Satu salinan cetak atau elektronik boleh dibuat untuk kegunaan peribadi. Firma dan persatuan profesional dibenarkan untuk menggunakan Ketetapan Umum ini untuk tujuan latihan sahaja. Penerbitan semula secara sistemik atau berganda, pengedaran ke pelbagai lokasi melalui elektronik atau cara lain, duplikasi apa-apa bahan dalam Ketetapan Umum ini untuk bayaran atau tujuan komersil, atau pengubahsuaian kandungan Ketetapan Umum adalah dilarang sama sekali.



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**TEMPOH ASAS BAGI SUATU
SYARIKAT, PERKONGSIAN
LIABILITI TERHAD, BADAN
AMANAH DAN KOPERASI**

**Ketetapan Umum No. 8/2014
Tarikh Penerbitan: 1 Disember 2014**

KANDUNGAN	Muka Surat
1. Objektif	1
2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan	1
3. Tafsiran	1
4. Penentuan Tempoh Asas Bagi Entiti Yang Baru Memulakan Operasinya	2
5. Penentuan Tempoh Asas Bagi Entiti Yang Telah Beroperasi Dan Menukar Tempoh Perakaunannya	6
6. Syarikat Yang Sedang Beroperasi Memulakan Satu Lagi Operasi Baru	11
7. Syarikat Menyertai Suatu Perkongsian	11
8. Kemaskinian Dan Pindaan	12

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 [ACP] memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat Ketetapan Umum berkenaan dengan pemakaian mana-mana peruntukan dalam ACP.

Ketetapan Umum diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan tafsiran Ketua Pengarah berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketua Pengarah boleh menarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian dari Ketetapan Umum ini melalui notis penarikan balik atau dengan penerbitan Ketetapan Umum yang baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

1. **Objektif**

Objektif Ketetapan Umum (KU) ini adalah untuk menerangkan -

- 1.1 Penentuan tempoh asas bagi suatu syarikat, suatu perkongsian liabiliti terhad (PLT), suatu badan amanah dan suatu koperasi yang baru memulakan operasi; dan
- 1.2 Penentuan tempoh asas bagi entiti seperti yang tersebut di atas yang telah beroperasi dan menukar tempoh perakaunan.

2. **Peruntukan Undang-Undang Berkaitan**

- 2.1 KU ini mengambil kira undang-undang yang berkuat kuasa pada tarikh KU ini diterbitkan.
- 2.2 Peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) yang berkaitan dengan KU ini adalah seksyen 2 dan 21A.

3. **Tafsiran**

Perkataan yang digunakan dalam KU ini mempunyai maksud berikut.

- 3.1 “Badan Amanah” berhubung dengan suatu amanah, bermaksud badan amanah yang diperuntukkan di bawah seksyen 61 ACP.
- 3.2 “Koperasi” bermaksud mana-mana koperasi yang didaftarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis berhubung dengan pendaftaran koperasi di Malaysia.
- 3.3 “Operasi” bermaksud suatu aktiviti yang terdiri daripada :
 - 3.3.1 menjalankan suatu perniagaan;
 - 3.3.2 membuat pelaburan;
 - 3.3.3 menjalankan perniagaan dan membuat pelaburan; atau
 - 3.3.4 membuat pelaburan sebelum permulaan perniagaan atau selepas pemberhentian perniagaan.
- 3.4 “Perkongsian Liabiliti Terhad” bermaksud suatu perkongsian liabiliti terhad yang didaftarkan di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012.

- 3.5 “Syarikat” bermaksud suatu pertubuhan perbadanan dan termasuklah mana-mana kumpulan orang yang ditubuhkan dengan suatu identiti yang berasingan di sisi undang-undang oleh atau di bawah undang-undang sesuatu wilayah di luar Malaysia dan suatu amanah perniagaan.
- 3.6 “Tahun gagal” bermaksud tahun yang di dalamnya terdapat kegagalan untuk menutup akaun pada tarikh perakaunan biasa.

4. Penentuan Tempoh Asas Bagi Entiti Yang Baru Memulakan Operasinya

- 4.1 Mulai tahun taksiran 2014, tempoh asas bagi suatu syarikat, suatu PLT, suatu badan amanah dan suatu koperasi yang baru memulakan operasinya ditentukan seperti berikut:

Jika akaun yang disediakan adalah bagi-

- (a) suatu tempoh kurang daripada 12 bulan berakhir pada hari dalam tahun yang sama, tempoh tersebut adalah tempoh asas bagi tahun taksiran pertama;
- (b) apa-apa tempoh berakhir pada hari dalam tahun kedua, tempoh tersebut adalah tempoh asas bagi tahun taksiran kedua dan tidak ada tempoh asas bagi tahun taksiran pertama;
- (c) suatu tempoh melebihi daripada 12 bulan berakhir pada hari dalam tahun ketiga, tempoh tersebut adalah tempoh asas bagi tahun taksiran ketiga dan tidak ada tempoh asas bagi tahun taksiran pertama dan tahun taksiran kedua.
- 4.2 Tempoh perakaunan pertama adalah tempoh asas bagi suatu tahun taksiran di mana akaun ditutup. Ia merupakan tahun taksiran pertama entiti tersebut.
- 4.3 Peruntukan yang disebut dalam perenggan 4.1 ini terpakai kepada kes yang mana akaun pertama ditutup pada tahun 2014 dan tahun-tahun berikutnya.

Contoh 1

Akaun Pertama Ditutup Dalam Tahun Yang Sama

Riang Segar Sdn. Bhd. mengemukakan akaun seperti di bawah:

Akaun	Tempoh Perakaunan	Tempoh
Pertama	1.02.2014 - 30.9.2014	8 bulan
Kedua	1.10.2014 - 30.9.2015	12 bulan

Tempoh asas bagi syarikat adalah:

Tahun Taksiran	Tempoh Asas	Tempoh
2014	1.02.2014 - 30.9.2014	8 bulan
2015	1.10.2014 - 30.9.2015	12 bulan

Catatan:

1. Akaun pertama ditutup dalam tahun 2014.
2. Tempoh perakaunan untuk 8 bulan diterima sebagai tempoh asas bagi tahun taksiran pertama walaupun tempoh kurang daripada 12 bulan atau ditutup pada tarikh selain 31 Disember.

Contoh 2

Akaun Pertama Ditutup Dalam Tahun Berikutnya

Amanah ABC mengemukakan akaun seperti di bawah:

Akaun	Tempoh Perakaunan	Tempoh
Pertama	1.5.2013 - 31.3.2014	11 bulan
Kedua	1.4.2014 - 31.3.2015	12 bulan

Tempoh asas bagi badan amanah adalah:

Tahun Taksiran	Tempoh Asas	Tempoh
2014	1.5.2013 - 31.3.2014	11 bulan
2015	1.4.2014 - 31.3.2015	12 bulan

Catatan:

1. Tiada tempoh asas bagi tahun taksiran 2013.
2. Walaupun operasi bermula dalam tahun 2013 tetapi disebabkan akaun pertama ditutup dalam tahun 2014, maka peruntukan baharu subseksyen 21A(4) ACP terpakai. Akaun pertama untuk tempoh 11 bulan yang berakhir dalam tahun 2014 adalah tempoh asas bagi tahun taksiran 2014.

Contoh 3

Koperasi Bukit Saujana mengemukakan akaun seperti di bawah:

Akaun	Tempoh Perakaunan	Tempoh
Pertama	1.2.2013 - 30.4.2014	15 bulan
Kedua	1.5.2014 - 30.4.2015	12 bulan

Tempoh asas bagi koperasi adalah:

Tahun Taksiran	Tempoh Asas	Tempoh
2014	1.2.2013 - 30.4.2014	15 bulan
2015	1.5.2014 - 30.4.2015	12 bulan

Catatan:

1. Tiada tempoh asas bagi tahun taksiran 2013.
2. Walaupun operasi bermula dalam tahun 2013, akaun pertama ditutup dalam tahun 2014. Tempoh perakaunan pertama selama 15 bulan yang berakhir dalam tahun 2014 diambil sebagai tempoh asas bagi tahun taksiran 2014.

Akaun Disediakan Bagi Tempoh Lebih Daripada 12 Bulan Dan Berakhir Dalam Tahun Ketiga

Contoh 4

Teraju Gemilang PLT mengemukakan akaun seperti di bawah:

Akaun	Tempoh Perakaunan	Tempoh
Pertama	1.11.2013 - 30.4.2015	18 bulan
Kedua	1.05.2015 - 30.4.2016	12 bulan

Tempoh asas bagi PLT adalah:

Tahun Taksiran	Tempoh Asas	Tempoh
2015	1.11.2013 - 30.4.2015	18 bulan
2016	1.05.2015 - 30.4.2016	12 bulan

Catatan:

1. Tiada tempoh asas bagi tahun taksiran 2013 dan tahun taksiran 2014.
2. Akaun pertama yang disediakan melibatkan 3 tahun kalendar (tahun 2013 hingga 2015) dan ditutup dalam tahun 2015. Tempoh perakaunan pertama selama 18 bulan diterima sebagai tempoh asas untuk tahun taksiran pertama iaitu tahun taksiran 2015.

Contoh 5

Indah Permai Sdn. Bhd. mengemukakan akaun seperti di bawah:

Akaun	Tempoh Perakaunan	Tempoh
Pertama	3.4.2013 - 30.6.2013	3 bulan
Kedua	1.7.2013 - 30.6.2014	12 bulan
Ketiga	1.7.2014 - 30.6.2015	12 bulan

Tempoh asas bagi syarikat adalah:

Tahun Taksiran	Tempoh Asas	Tempoh
2013	3.4.2013 - 31.12.2013	9 bulan
2014	1.7.2013 - 30.06.2014	12 bulan
2015	1.7.2014 - 30.06.2015	12 bulan

Catatan:

1. Oleh kerana tarikh tutup akaun pertama jatuh dalam tahun taksiran 2013 (sebelum tarikh kuat kuasa subseksyen 21A(4) ACP), maka peruntukan sebelum pindaan terpakai.
2. Tempoh bertindih adalah 1.7.2013 hingga 31.12.2013 (6 bulan) dan pendapatan larasan dikira mengikut peruntukan subseksyen 42(2) ACP.

5. Penentuan Tempoh Asas Bagi Entiti Yang Telah Beroperasi Dan Menukar Tempoh Perakaunannya

- 5.1 Mulai tahun taksiran 2014, sesuatu entiti yang telah beroperasi dan gagal menutup akaun pada tarikh yang sama dalam tahun berikutnya (tahun gagal), Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN) akan menentukan tempoh asas bagi tahun gagal dan tahun berikutnya. Bagi menentukan tempoh asas bagi tahun gagal dan tahun berikutnya, tempoh perakaunan yang disediakan oleh pembayar cukai dalam tahun gagal boleh diterima oleh KPHDN dengan syarat bahawa -
- (a) tiada tahun taksiran yang terlepas/tertinggal; dan
 - (b) tiada dua atau lebih akaun yang ditutup dalam tahun taksiran yang sama.
- 5.2 Peruntukan ini terpakai kepada semua kes sama ada akaun sebelum tahun gagal ditutup pada 31 Disember atau selain daripada 31 Disember.

Contoh 6

Menukar Tempoh Perakaunan Kurang Daripada 12 Bulan Dan Berakhir Dalam Tahun Yang Sama

Bumi Senang Sdn. Bhd. kebiasaannya menutup akaun pada 28 Februari setiap tahun dan menukar tempoh perakaunan kepada 31 Disember (kurang 12 bulan) dalam tahun yang sama.

Tahun Taksiran	Tempoh Perakaunan	Tempoh
2014	1.3.2013 - 28.02.2014	12 bulan
Tahun gagal	1.3.2014 - 31.12.2014	10 bulan
	1.1.2015 - 31.12.2015	12 bulan
	1.1.2016 - 31.12.2016	12 bulan

Tempoh asas bagi syarikat adalah:

Tahun Taksiran	Tempoh Asas	Tempoh
2014	1.3.2013 - 28.02.2014	12 bulan
2015	1.3.2014 - 31.12.2015	22 bulan
2016	1.1.2016 - 31.12.2016	12 bulan

Catatan:

1. Tahun gagal ialah tahun 2015. KPHDN akan menentukan tempoh asas bagi tahun taksiran 2015 dan tahun taksiran 2016.
2. Akaun bagi keseluruhan tempoh dari 1.3.2014 hingga 31.12.2014 digabungkan dengan akaun 1.1.2015 hingga 31.12.2015 dan dikira sebagai tempoh asas bagi tahun taksiran 2015.

Contoh 7

Menukar Tempoh Perakaunan Kurang Daripada 12 Bulan Dan Berakhir Dalam Tahun Yang Berikutnya

Ahmad Albab PLT kebiasaannya menutup akaun pada 31 Disember setiap tahun dan menukar tempoh perakaunan kepada 30 April (kurang 12 bulan) pada tahun berikutnya.

Tahun Taksiran	Tempoh Perakaunan	Tempoh
2013	1.1.2013 - 31.12.2013	12 bulan
Tahun gagal	1.1.2014 - 30.04.2014	4 bulan
	1.5.2014 - 30.04.2015	12 bulan

Tempoh asas bagi PLT adalah:

Tahun Taksiran	Tempoh Asas	Tempoh
2013	1.1.2013 - 31.12.2013	12 bulan
2014	1.1.2014 - 30.04.2014	4 bulan
2015	1.5.2014 - 30.04.2015	12 bulan

Catatan:

1. Tahun gagal ialah tahun 2014. KPHDN akan menentukan tempoh asas bagi tahun taksiran 2014 dan tahun taksiran 2015.
2. Walaupun tempoh perakaunan bagi tahun gagal kurang daripada 12 bulan, tempoh tersebut boleh diterima sebagai tempoh asas bagi tahun taksiran 2014 kerana akaun dalam tahun gagal telah ditutup dalam tahun 2014.

Contoh 8

Menukar Tempoh Perakaunan Lebih 12 Bulan Dan Berakhir Dalam Tahun Berikutnya

Aizah Wahab Sdn. Bhd. kebiasaannya menutup akaun pada 31 Julai setiap tahun dan menukar tempoh perakaunan kepada 31 Oktober (lebih 12 bulan) pada tahun berikutnya.

Tahun Taksiran	Tempoh Perakaunan	Tempoh
2013	1.08.2012 - 31.07.2013	12 bulan
Tahun gagal	1.08.2013 - 31.10.2014	15 bulan
	1.11.2014 - 31.10.2015	12 bulan

Tempoh asas bagi syarikat adalah:

Tahun Taksiran	Tempoh Asas	Tempoh
2013	1.08.2012 - 31.07.2013	12 bulan
2014	1.08.2013 - 31.10.2014	15 bulan
2015	1.11.2014 - 31.10.2015	12 bulan

Catatan:

1. Tahun gagal ialah tahun 2014. KPHDN akan menentukan tempoh asas bagi tahun taksiran 2014 dan tahun taksiran 2015.
2. Walaupun tempoh perakaunan bagi tahun gagal lebih daripada 12 bulan, namun tempoh tersebut boleh diterima sebagai tempoh asas bagi tahun taksiran 2014.

Contoh 9

Menukar Tempoh Perakaunan Lebih 12 Bulan Dan Berakhir Dalam Tahun Ketiga

Koperasi Rania Emas kebiasaannya menutup akaun pada 31 Disember setiap tahun dan menukar tempoh perakaunan kepada 31 Januari (lebih 12 bulan) pada tahun ketiga.

Tahun Taksiran	Tempoh Perakaunan	Tempoh
2013	1.1.2013 - 31.12.2013	12 bulan
Tahun gagal	1.1.2014 - 31.01.2015	13 bulan
	1.2.2015 - 31.01.2016	12 bulan

Tempoh asas bagi koperasi adalah:

Tahun Taksiran	Tempoh Asas	Tempoh
2013	1.1.2013 - 31.12.2013	12 bulan
2014	1.1.2014 - 31.07.2014	7 bulan
2015	1.8.2014 - 31.01.2015	6 bulan
2016	1.2.2015 - 31.01.2016	12 bulan

Catatan:

1. Akaun yang disediakan melangkaui satu tahun taksiran iaitu tahun taksiran 2014. Oleh itu KPHDN akan menentukan tempoh asas bagi tahun taksiran 2014 dan tahun taksiran 2015.
2. Oleh sebab tempoh perakaunan 1.1.2014 hingga 31.1.2015 melibatkan 2 tahun taksiran, maka tempoh asas bagi tahun taksiran 2014 dan 2015 boleh ditentukan dengan membahagikannya kepada 2 tempoh iaitu 7 bulan bagi tahun taksiran 2014 dan 6 bulan bagi tahun taksiran 2015.
3. Apabila terdapat pembahagian tidak sama rata kepada tempoh asas bagi dua tahun taksiran, bahagian bulan yang selebihnya hendaklah dianggap terjatuh ke dalam tempoh asas pertama.

6. Syarikat Yang Sedang Beroperasi Memulakan Satu Lagi Operasi Baru

Jika sebuah syarikat yang sedang menjalankan satu atau lebih operasi memulakan satu lagi operasi baru, tempoh asas bagi syarikat yang baru beroperasi adalah sama dengan tempoh asas bagi syarikat yang sedang beroperasi.

Contoh 10

Sebuah syarikat telah beroperasi beberapa tahun dan menutup akaunnya pada 30 September setiap tahun. Syarikat itu memulakan operasi baru pada 1.6.2014.

Tempoh asas bagi syarikat yang baru beroperasi adalah sama dengan tempoh perakaunan bagi syarikat yang sedang beroperasi iaitu berakhir 30 September. Oleh itu, tempoh asas bagi operasi baru bagi tahun taksiran 2014 adalah 1.6.2014 hingga 30.9.2014.

7. Syarikat Menyertai Suatu Perkongsian

Jika sebuah syarikat menyertai suatu perkongsian, perkongsian itu dianggap sebagai operasi baru. Oleh itu, tempoh asas bagi syarikat yang sedang beroperasi adalah juga tempoh asas bagi punca perkongsian.

Contoh 11

Sebuah syarikat (yang akaunnya ditutup pada 30 Jun) menyertai suatu perkongsian baru yang memulakan perniagaan pada 18.2.2014. Akaun pertama perkongsian disediakan hingga 30.9.2014 dan akaun berikutnya disediakan hingga 30 September setiap tahun.

Walau apa pun tempoh perakaunan perkongsian, tempoh asas bagi syarikat itu berhubung dengan punca perkongsiannya adalah:

Tahun Taksiran 2014 : 18.2.2014 hingga 30.6.2014

Tahun Taksiran 2015 : 1.7.2014 hingga 30.6.2015

Contoh 12

Sebuah syarikat (yang akaunnya ditutup pada 31 Disember) menyertai suatu perkongsian yang sedang beroperasi pada 1.2.2014. Akaun perkongsian itu biasanya disediakan hingga 31 Mac. Akaun perkongsian itu terus disediakan hingga 31.3.2014, dan hingga 31 Mac bagi tahun-tahun berikutnya.

Walau apa pun tempoh perakaunan perkongsian, tempoh asas bagi syarikat itu berhubung dengan punca perkongsiannya bagi tahun taksiran 2014 adalah 1.2.2014 hingga 31.12.2014.

8. Kemaskinian Dan Pindaan

	Pindaan
KU ini menggantikan KU No. 5/2001 dan KU No.7/2001 yang kedua-duanya diterbitkan pada 30 April 2001.	Peruntukan baharu subseksyen 21A(4) ACP (Pindaan melalui Akta Kewangan 2014 [Akta 761] menjelaskan penentuan tempoh asas bagi suatu syarikat, suatu PLT, suatu badan amanah dan suatu koperasi yang: i) baru memulakan operasinya; dan ii) menukar tarikh perakaunan bagi yang sedang beroperasi berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2014.

Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.